

Headline	Serious eradicate conned investment in Internet (Serius...		
Date	26. Apr 2007	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	11
Section	Dlm Negeri	Article Size	262 cm ²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



Serius banteras penipuan pelaburan di Internet

SERANGAN siber dilakukan secara maya ke atas rangkaian dan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya infrastruktur, infostruktur, dan aplikasi komunikasi fizikal atau tanpa wayar. Jenis ancaman pula berbentuk pencerobohan, serangan pengenyahan perkhidmatan, penggodaman, serangan kod berbahaya, penipuan dan spam.

Spam meliputi bahan lucah, ucapan benci, gangguan, pesanan fitnah, hasutan, dan judi yang kini semakin berleluasa di Internet. Berdasarkan statistik MyCert dan Niser, pada sepanjang 2006, terdapat 1,370 kes ancaman siber yang dilaporkan oleh pengguna Internet Malaysia. Antara aduan ancaman siber yang signifikan ialah pencerobohan (897 kes) dan penipuan (287 kes).

Antara kes penipuan yang menjadi perdebatan polisi buat masa ini dari segi perlindungan pengguna ialah skim pelaburan menerusi Internet yang nilai pelaburannya dianggarkan mencecah RM1 bilion. Sebelum itu dan pada tahun lepas, ciri sekuriti perkhidmatan perbankan atas talian telah dipersoalkan oleh pengguna. Ini penting kerana jumlah pelanggan Internet di Malaysia ialah kira-kira 3 juta orang dengan lebih 12 juta transaksi sebulan. Isu sekuriti perbankan telah diberi jaminan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kini perbankan Internet telah menjadi satu budaya perbankan dan akan terus kekal sebagai saluran perkhidmatan yang menjanjikan kemudahan dan kepentasan kepada para pelanggan.

Bagi skim pelaburan Internet, Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) di Amerika Syarikat telah meragui dan mempersoalkan integriti skim itu yang juga dipanggil Program Pelaburan Berlaba Tinggi (HYIP).

Untuk pengguna yang beragama Islam di Malaysia pula, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengharamkan semua bentuk skim pelaburan Internet kerana mengandungi unsur riba. Malah, Islam telah mempunyai cara untuk mengatasi jenayah di alam siber. Jika transaksi di luar talian (*offline*) menyalahi syariat Islam, ia juga haram apabila dilakukan secara *online*.

Dari segi e-transaksi B2B dan B2C pada umumnya dan pelaburan dalam Internet pada khususnya, kerajaan berkuasa untuk mengawal dan memantau laman-laman web yang berdaftar di Malaysia. Ia boleh dibuat menerusi agensinya seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Institut Mikroelektronik Malaysia (MIMOS Berhad), dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK).

Di samping itu, BNM, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) boleh bertindak terhadap mereka yang memanipulasikan Internet menerusi laman web untuk mengutip deposit secara haram. Skim itu tidak ubah skim cepat kaya yang dilakukan di luar talian. Isu buat masa ini ialah penguasaan peraturan dan perundangan di kalangan agensi pelaksana.

Sekadar mengambil contoh, BNM telah mengenal pasti beberapa laman web HYIP yang telah menyalahi undang-undang negara kerana mengambil deposit secara haram. Agensi SC juga telah menyenaraikan 43 laman web dan 17 syarikat pengantara pasaran modal pelaburan Internet yang menjanjikan pulangan berlipat ganda dalam senarai amaran untuk dijauhi orang ramai.

Headline **Serious eradicate conned investment in Internet (Serius banteras penipuan pelabur...)**
Date **26. Apr 2007**
Media Title **Utusan Malaysia**

Ini kerana, laman-laman web tersebut dan syarikat terlibat menjadi pengantara pasaran modal menjalankan aktiviti pe- laburan mencurigakan, tidak berlesen, melanggar undang-undang dan mengutip deposit secara haram.

Melesenkan semua pengantara pasaran modal ialah satu daripada langkah diambil SC untuk memenuhi tanggungjawab berkenaan dan dengan itu, undang-undang sekuriti mewajibkan semua orang yang mengendalikan aktiviti (pasaran

modal dan pelaburan) mestilah dilesen-kan oleh SC. Bagi pelabur pula, mereka melabur hanya dengan pihak-pihak yang berlesen dan dilindungi mengikut un- dang-undang sekuriti.

Ringkasnya, kerajaan mempunyai kuasa untuk melindungi pengguna dalam transaksi *online* dan *offline*. Pada masa yang sama, pengguna perlu berhati-hati dalam transaksi Internet masing-masing. Pengguna juga wajar bekerjasama dengan kerajaan dengan melaporkan sebarang bentuk penipuan kepada agensi kerajaan yang berkaitan.

Peranan media arus perdana juga patut dipuji malah amat penting dalam membongkar skim pelaburan Internet yang berunsur penipuan atas talian. Dengan hanya memiliki sebuah komputer, Internet dan perisian pelayar, seseorang boleh mencipta laman web bank atau pelaburan untuk melesapkan berjuta ringgit wang pelanggan.

Apa jua, pengguna perlu bijak apabila melayari Internet dan menyelidik khususnya di MyCert, Niser dan Impact bagi membantu membuat keputusan dalam transaksi *online*.

**- PROF. MADYA ABDUL RAHIM ANUAR, Fakulti Ekonomi,
Universiti Utara Malaysia.**